

BISNES » Korporat
Khamis, 28 Mei 2020 | 11:46am



Gambar fail: Kilang gula milik MSM Malaysia Holdings di Chuping, Perlis.

Kilang gula Chuping Perlis pindah ke Pasir Gudang Johor

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd (MSMH) akan menggabungkan pengeluaran gula bertapisnya dengan memindahkan operasi kilang di MSM Perlis Sdn Bhd (MSMP) terletak di Chuping, Perlis ke MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSMJ) di Tanjung Langsat, Pasir Gudang, Johor.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, MSMH berkata penamatan yang dicadang untuk pengeluaran MSMP adalah pada 30 Jun, dan perpindahan tenaga kerja dan peralatan tertentu dari MSMP ke MSMJ dan MSM Prai Bhd akan dilakukan secara berperingkat.

Keseluruhan proses tersebut dijangka selesai pada suku keempat 2020. MSMP dan MSMJ adalah anak syarikat milik penuh MSMH.

"Penggabungan dua kilang itu akan membolehkan syarikat mengoptimumkan kapasiti kilang penapisan baharunya, MSMJ.

"Susulan pengoptimuman ini, kos penapisan gula mentah akan meningkat dengan ketara dan sekali gus, akan menjana margin yang lebih tinggi, dan akhirnya memberi impak kewangan yang positif secara keseluruhan kepada MSMH dan kumpulan syarikatnya," katanya.

Pelaksanaan penggabungan itu menghasilkan peruntukan sebanyak RM137.35 juta untuk susut nilai kilang dan jentera MSMP pada tahun kewangan 2019.

Bagaimanapun, dengan menggabungkan kapasiti penapisan syarikat, syarikat akan dapat mengurangkan kos pengeluaran unitnya, yang seterusnya akan meningkatkan keuntungannya dan memberi nilai yang lebih baik kepada pemegang saham.

Bagaimanapun, tanah kilang di Chuping akan dijual, katanya.

"Pengumuman berkaitan penjualan tanah kilang itu perlu dibuat mengikut Keperluan Penyenaaraan Pasaran Utama, jika perlu. Bagaimanapun, sebarang penjualan aset seperti tanah yang dimiliki oleh MSMP akan tertakluk kepada kelulusan atau kebenaran Pihak Berkuasa Negeri Perlis, Lembaga Tanah Negeri Perlis dan pihak berkuasa lain yang berkaitan," katanya.

Sementara itu, bagi suku pertama berakhir 31 Mac, 2020, MSMH melaporkan kerugian bersih yang besar sebanyak RM34.70 juta berbanding RM7.06 juta dalam tempoh sama tahun lalu.

Pendapatan, bagaimanapun meningkat kepada RM510.84 juta daripada RM485.43 juta pada suku tahun sama tahun lalu.

"MSMH akan terus memberi tumpuan kepada strategi pertumbuhan mampan yang termasuk kepelbagaian produk untuk menembusi pasaran eksport dan meningkatkan margin. MSMH menjangka persekitaran perniagaan akan terus mencabar sepanjang 2020," katanya. - Bernama

AGENCY: Berita Harian

LINK: <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/693606/kilang-gula-chuping-perlis-pindah-ke-pasir-gudang-johor>